



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1990

**PENAMATAN TEMPOH PINJAMAN BAGI PEGAWAI YANG
MELAKUKAN KESALAHAN TATATERTIB**

PENDAHULUAN

1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan bahawa Pihakberkuasa yang meminjamkan seorang pegawai kepada mana-mana agensi patut menamatkan tempoh pinjaman pegawai itu jika ia berpendapat pegawai itu telah melakukan kesalahan tatatertib.

LATARBELAKANG

2. Pegawai-pegawai Persekutuan dipinjamkan kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Kuasa Tempatan, Swasta, Badan Antarabangsa dan sebagainya dari masa ke semasa. Di antara tujuan utama sistem pinjaman

diadakan ialah untuk memperkuatkan sesuatu agensi yang menghadapi masalah pegawai yang sesuai di dalam agensi berkenaan. Dengan demikian adalah tidak wajar jika seseorang pegawai yang dipinjamkan kepada agensi-agensi tersebut dibiarkan terus berada dalam pinjaman apabila ia melakukan kesalahan tata tertib semasa dalam tempoh pinjaman berkenaan.

PENAMATAN TEMPOH PINJAMAN

3. Apabila Pihakberkuasa yang meminjamkan seseorang pegawai berpendapat pegawai itu telah melakukan kesalahan tata tertib, maka Pihakberkuasa yang meminjamkan pegawai berkenaan hendaklah menamatkan tempoh pinjamannya dan memanggilnya balik ke perkhidmatan asal.

AM

4. Sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut bolehlah diminta daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'S. S. S.', written in a cursive style.

(DATO' MAHMUD BIN TAIB)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

Tarikh: 25 Oktober, 1990.

s. k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun,

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.